

15 JAN 1998

PRESIDEN UMNO MAHU POLITIKING DIBENDUNG PADA PEMILIHAN BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Dalam usaha untuk mengurangkan lagi politiking, pucuk pimpinan Umno menasihati supaya perebutan jawatan peringkat bahagian yang melibatkan anggota Majlis Tertinggi (MT) seboleh-bolehnya hendaklah dielakkan.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi nasihat itu pada mesyuarat MT Jumaat lepas, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini.

"Nasihat itu bertujuan mengurangkan politiking dan perebutan sengit yang boleh menjejaskan perpaduan parti," katanya.

Nasihat presiden ialah anggota MT yang sudah pun menjadi ketua bahagian seboleh-bolehnya janganlah dicabar oleh calon lain sementara anggota MT yang tidak mengetuai mana-mana bahagian, tidak perlu bertanding untuk merebut jawatan peringkat itu.

Di kalangan 35 anggota MT sekarang, tidak semua adalah ketua bahagian.

Pemilihan peringkat bahagian dijadualkan berlangsung pada 12 hingga 28 Mac ini sementara mesyuarat peringkat cawangan bermula pada pertengahan bulan depan.

Sabbaruddin berkata nasihat presiden itu wajar dipatuhi demi kepentingan parti terutama dalam usaha mengelakkan berlakunya politik wang.

"Bagaimanapun ini bukanlah satu arahan," jelasnya.

Ditanya sama ada pemilihan Mac ini boleh memburukkan kegawatan ekonomi memandangkan banyak wang dijangka akan dibelanjakan untuk berkempen, Sabbaruddin berkata beberapa arahan telah dikeluarkan untuk membendung perkara ini.

Untuk mengelakkan perbelanjaan berlebihan, MT memutuskan supaya majlis terbuka puasa dan rumah terbuka Hari Raya dihadkan dan hanya boleh diadakan dalam tempoh sembilan hari dari Hari Raya pertama. -- BERNAMA

SJA SJ NMO